

## TEMA UTAMA PEMIKIRAN MUSLIM LIBERAL

Siti Wahidah Mustapa,<sup>1</sup> dan Muhd Najib Abdul Kadir<sup>2</sup>

### Abstrak

Gerakan pemikiran liberal atau liberalisme telah tersebar dan menular di Malaysia pada hari ini dan dikenali sebagai “Fahaman Islam Liberal”. Falsafah liberalisme ini adalah mengangkat kebebasan individu dalam semua aspek termasuk agama, ekonomi, ideologi dan politik melebihi batas syarak. Oleh itu, artikel ini akan memaparkan fahaman meragukan yang diperjuangkan oleh golongan Islam liberal serta menjelaskan kekeliruan dan fahaman yang ditimbulkan oleh mereka. Hasil kajian mendapati golongan liberal ini terlalu berbahaya kepada umat Islam dan kesucian agama Islam. Antara fahaman meragukan dan isu-isu yang diperjuangkan oleh golongan ini ialah, pentafsiran semula al-Quran, menolak hadith-hadith Nabi s.a.w., kebebasan beragama, menuntut persamaan hak antara lelaki dan wanita, serta tuntutan gaya hidup lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT). Hasil kajian seterusnya menunjukkan bahawa isu-isu yang diperjuangkan oleh golongan Islam liberal semuanya bersifat ekstrem dan bertentangan sama sekali dengan syariat Islam.

**Kata kunci:** Islam liberal, tafsir al-Qur’an, Hadith sebagai sumber Islam, LGBT

## MAJOR THEMES IN LIBERAL MUSLIM THOUGHT

### Abstract

*Liberal ideology or liberalism has spread in Malaysia nowadays and is known as “The Ideology of Liberal Islam”. This philosophy of liberalism is to elevate the freedom of individuals in all aspects including religion, economy, ideology and politics beyond the limits of shariah. Therefore, this article discusses questionable ideas fought by liberal Islam as well as explains these confusions. The result demonstrates that these liberals are unsuitable for Muslims and the sanctity of Islam. Among the questionable beliefs and issues fought by this group are, that the Qur’an needs to be reinterpreted, disputing the position of the hadith and rejection of the hadiths of the Prophet saw, fight for the freedom of the Muslim individual to leave Islam, demanding equality rights between*

---

<sup>1</sup> Siti Wahidah Mustapa adalah lulusan Sarjana di Pusat Kajian al-Qur’an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: sitiwahidah795@gmail.com.

<sup>2</sup> Muhd Najib Abdul Kadir, PhD, adalah Profesor di Pusat Kajian al-Qur’an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*men and women, as well as the liberals support homosexual activity such as lesbian, gay, bisexual and transgender lifestyle ( LGBT). The finding of this study further shows that the issues fought by the liberal Muslims are all extreme, it must be rejected because it contradicts Islamic creed and shariah.*

**Keywords:** *liberal Islam, reinterpretation of the Qur'an, Hadith as Islam's source, LGBT*

## **Pengenalan**

Mutakhir ini, wujud gerakan pemikiran liberal yang mengganggu gugat keharmonian dan kesucian agama Islam dan penganutnya sendiri. Fahaman liberalisme yang pada mulanya diasaskan di negara Barat, kini telah tersebar dan menular di negara-negara Islam termasuklah di Malaysia dan membentuk satu istilah baharu yang dikenali sebagai “Fahaman Islam Liberal”. Golongan ini semakin rancak menjaja dan mencanang gagasan pemikiran liberal mereka dengan berselindung di sebalik tuntutan kebebasan dan hak asasi manusia. Mereka ini meletakkan akal pada tempat yang paling tinggi melebihi syariat Islam dan sumbernya iaitu al-Quran dan al-Sunnah.<sup>3</sup>

Perkataan liberalisme berasal dari bahasa *Inggeris* yang bermaksud kebebasan. Sulaiman al-Khirasi dalam kitabnya, *Libraliyyah al-Khirasyi* menyatakan, liberalisme ialah mazhab pemikiran yang mementingkan kebebasan individu. Manakala perkataan “liberal” menurut *Kamus Dewan* bermaksud, i) bersifat condong kepada kebebasan dan pemerintahan yang demokratik (menentang hak-hak istimewa kaum bangsawan), ii) bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka (tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran). Manakala dalam *Encyclopedia Britannica* mendefinisikan liberalisme adalah suatu kepercayaan, falsafah hidup, dan gerakan yang meletakkan idea kebebasan sebagai prinsip tertinggi dan dominan dalam usaha untuk membebaskan manusia daripada sebarang kawalan moral, dan menggantikan peranan agama dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat.

---

<sup>3</sup> “Islam Liberal: Ancaman Kepada Akidah dan Jati Diri Ummah,” laman sesawang *Koleksi al-Qalam*, 22 Jun 2009, <http://koleksi-alqalam.blogspot.com/2009/06/islam-liberal-ancaman-kepada-aqidah-dan.html>.

Golongan Islam Liberal ini tidak menzahirkan diri mereka sebagai orang yang menolak agama, tetapi berselindung di sebalik gagasan mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Quran, menilai semula hadith Nabi Muhammad s.a.w. dan menapis semula hukum-hakam syariat Islam dan fiqah. Mereka juga menolak segala tafsiran yang dianggap lama dan kolot termasuklah tafsiran daripada Rasulullah s.a.w., para sahabat serta ulama mujtahid.<sup>4</sup> Bagi mereka, agama hendaklah dipadankan dengan realiti semasa agar dapat disesuaikan dengan kemodenan hari ini, sekalipun terpaksa menafikan hukum-hakam yang telah sabit dengan nas-nas syarak secara putus (*qat'i*). Jika terdapat hukum yang difikirkan tidak menepati zaman, kemodenan dan hak-hak manusia maka hukum tersebut hendaklah ditakwilkan atau sebolehnya digugurkan.<sup>5</sup>

Di Malaysia, antara tokoh-tokoh yang mempromosikan ideologi Islam liberal ialah Syed Akbar Ali<sup>6</sup>, Zainah Anwar<sup>7</sup>, Astora Jabat dan Zainudin Idrus<sup>8</sup>, Kasim Ahmad<sup>9</sup>, Siti Kassim, Marina Mahathir dan Zaid Ibrahim. Sementara dalam bentuk pertubuhan pula ialah Musawah, Jemaah al-Quran Malaysia<sup>10</sup>, Sisters in Islam (SIS), Suruhanjaya Antara Agama atau Inter Faith Commission (IFC)<sup>11</sup>, Pertubuhan Pertolongan Wanita atau Women's Aid Organization (WAO) All Women's Action Society (AWAM) dan Golongan Anti Hadith.<sup>12</sup>

<sup>4</sup> Riduan Mohd Nor dan Ahmad Adnan Fadhil, *Islam Liberal dan Pluralisme Agama* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009).

<sup>5</sup> Mohammad Ariffin Ismail, *Cabaran Akidah Pemikiran Islam Liberal* (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2009).

<sup>6</sup> Anis Shakila Ismail, *Pemikiran Islam Liberal di Malaysia: Kajian Terhadap Isu Yang Ditimbulkan oleh Farish Nor dan Syed Akbar Ali* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

<sup>7</sup> Mohd. Ramnaizuddin Ghazali, "Ciri-ciri Islam Liberal", *Al-Islam* (2005), 18.

<sup>8</sup> Hafiz Firdaus Abdullah, *Membongkar Aliran Islam Liberal* (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2007).

<sup>9</sup> Azizan Othman, *Kajian Karya-karya Ilmiah Islam Liberal* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006).

<sup>10</sup> Zamihan Mat Zin, *Ancaman Islam dan Pluralisme* (Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 2008).

<sup>11</sup> Mohammad Ariffin Ismail, *Cabaran Akidah Pemikiran Islam Liberal* (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2009).

<sup>12</sup> Kamal Azmi Abd Rahman, "Pengaruh Pemikiran Islam Liberal dalam Fahaman Anti Hadith" (Proceeding International Muzakarah and Mu'tamar on Hadith, Inhad, 2017).

## **Beberapa Tema Utama dalam Wacana Islam Liberal di Malaysia**

Pembentangan selanjutnya memaparkan beberapa tema utama yang ditonjolkan oleh golongan Islam liberal di Malaysia. Dalam perbincangan ini juga, diketengahkan aspek yang meragukan dalam wacana Islam liberal serta perspektif Ahli Sunnah wal Jamaah mengenai perkara tersebut.

### **I. Mentafsir Semula al-Qur'an**

Al-Quran sejak awal lagi menjadi tumpuan dan fokus umat manusia terutamanya kepada kaum Muslim mahupun non-Muslim. Kedudukannya yang istimewa dan berbeza daripada kitab-kitab samawi terdahulu menjadikan al-Quran mukjizat sepanjang zaman. Namun begitu, kajian manusia dalam memahami maksudnya kadangkala dipengaruhi oleh tujuan serta matlamat yang berbeza. Ada yang mengkaji maknanya atas tujuan untuk mencari keredaan Allah s.w.t., tetapi ada juga yang melakukannya untuk mencari kekurangan serta mencemarkan kesucian al-Quran. Kecenderungan yang kedua ini sebenarnya bertitik tolak daripada tirisnya keyakinan bahawa al-Quran itu daripada Allah s.w.t. dan ia ditambah pula dengan penafian sumber yang kedua dalam syariat Islam iaitu hadith Nabi Muhammad s.a.w.<sup>13</sup>

Kecenderungan untuk mentafsir semula al-Quran kelihatan begitu ketara dalam kalangan golongan Islam liberal.<sup>14</sup> Golongan ini mendesak supaya al-Quran ditafsir semula tanpa terikat dengan tafsiran ulama-ulama terdahulu yang menurut mereka telah jauh ketinggalan dan tidak sesuai digunakan pada zaman sekarang yang serba moden ini. Bagi mereka, pemahaman nas-nas al-Quran adalah berbeza dari satu generasi ke generasi yang lain.<sup>15</sup> Oleh itu, umat Islam digesa agar mentafsir semula al-Quran secara langsung tanpa berpandukan kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar, tidak perlu terikat dengan disiplin ilmu yang berkaitan dengan *asbab al-nuzul*, *al-nasikh wa al-mansukh*, tafsiran Rasulullah s.a.w., para

---

<sup>13</sup> Tengku Intan Zarina dan Mazlan Ibrahim, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013).

<sup>14</sup> Tengku dan Mazlan, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*.

<sup>15</sup> Kamal, "Pengaruh Pemikiran Islam Liberal dalam Fahaman Anti Hadith".

sahabat dan sebagainya. Memadailah tafsiran tersebut menepati logik akal dan rasional.<sup>16</sup>

Bagi Ahli Sunnah wal Jamaah, kita meyakini bahawa al-Quran dari halaman pertama hingga terakhir adalah kalam Allah s.w.t. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Allah s.w.t. telah memberikan jaminan tentang kesucian, kemurnian dan keaslian al-Quran selama-lamanya. Kerana itu al-Quran tetap terpelihara dan terjamin daripada sebarang perubahan sedangkan kitab suci agama lain masih bergelut dengan permasalahan teks sehingga hari ini. Seperti mana firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah (Allah) yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya.”<sup>17</sup>

Seluruh umat Islam sepakat bahawa al-Quran itu daripada Allah s.w.t., rentetan daripada kesepakatan ini, maka tugas para ulama adalah untuk mentafsirkan al-Quran apabila terdapat ayat-ayat yang memerlukan kepada penjelasan secara terperinci. Dalam mentafsirkan al-Quran, tidak dapat tidak seseorang itu perlulah mempunyai ilmu pengetahuan tentang al-Quran dan mengikut panduan-panduan tertentu yang telah ditetapkan. Antaranya mereka perlulah menguasai ilmu yang telah dinyatakan di atas. Berkaitan dengan tafsiran al-Quran, agar tidak ketinggalan dan sesuai dengan kemodenan, tafsiran para ulama menyelaraskan keadaan moden dengan panduan al-Quran, bukan memodenkan al-Quran. Dalam hal ini, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Barang siapa yang berkata pada al-Quran tanpa ilmu pengetahuan maka siap sedialah tempatnya di dalam neraka”.<sup>18</sup>

## II. Menolak Hadith Sebagai Sumber Islam

Golongan Islam liberal berpendapat bahawa hadith hanya relevan untuk masyarakat Arab pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan ianya tidak lagi relevan untuk dipraktikkan pada zaman kini. Isu ini juga turut dibangkitkan oleh golongan Anti Hadis dan mereka meragui kedudukan hadith sebagai sumber yang berautoriti dalam agama Islam. Mereka menyatakan bahawa status hadith yang telah

---

<sup>16</sup> Hafiz, *Membongkar Aliran Islam Liberal*; Kamal, “Pengaruh Pemikiran Islam Liberal dalam Fahaman Anti Hadith.”

<sup>17</sup> Al-Hijr 15:9

<sup>18</sup> Hadith Riwayat Abi Dawud

disepakati oleh Bukhari dan Muslim juga masih boleh dicabar keaslian dan kesahihannya.

Menurut Kassim Ahmad, terdapat 40% - 60% hadith yang telah dikumpulkan oleh Bukhari dan Muslim bercanggah dengan ajaran al-Quran. Tambah beliau lagi, umat Islam perlu menapis dan menilai semula hadith-hadith sahih yang telah dikumpulkan. Hal ini kerana, hadith telah dikumpulkan dan ditapis oleh ulama Islam yang terdahulu tentang perkataan dan perbuatan Nabi Muhammad s.a.w, tarafnya tidak boleh lari dari taraf 'benar' atau 'salah' dan ianya harus ditapis melalui satu sistem penapisan yang ketat dan saintifik.<sup>19</sup>

Misalnya hadith tentang azab kubur, suasana di padang mahsyar, titian sirat, israk dan mikraj, fitnah-fitnah akhir zaman hanyalah rekaan para perawi hadith untuk memberi pengaruh kepada orang ramai pada zaman mereka. Sekalipun hadith-hadith tersebut tercatat di dalam kitab-kitab hadith sahih, pada hakikatnya ia hanyalah cerita tahayul semata-mata. Kesilapan paling besar yang dilakukan oleh ulama hadith adalah mereka hanyalah memberi tumpuan kepada perawi hadith sahaja tidak kepada matan hadith. Seandainya mereka memerhati dan memberi kritikan ke atas matan hadith, nescaya cerita-cerita tahayul seperti di atas tidak akan masuk dalam kitab-kitab mereka.<sup>20</sup>

Golongan Islam liberal berpandangan bahawa hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* bukanlah berasal daripada Nabi Muhammad s.a.w. melainkan hanya ciptaan orang-orang yang ingin menjaga dan memanfaatkan kepentingan diri mereka. Hadith yang sebenar bersifat mutawatir, manakala hadith ahad bersifat samar-samar dan tidak menjadi tuntutan ke atas umat Islam untuk berpegang kepadanya. Hadith yang mutawatir sekalipun kebenarannya hanya dalam konteks kehidupan masyarakat Arab pada zaman Rasulullah s.a.w. sahaja dan ianya tidak lagi relevan untuk dipraktikkan pada zaman kini kecuali sebagai kajian sejarah peradaban pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Kassim Ahmad, *Jalan Yang Lurus* (Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd., 2014).

<sup>20</sup> Kamal, "Pengaruh Pemikiran Islam Liberal dalam Fahaman Anti Hadith."

<sup>21</sup> Hafiz, *Membongkar Aliran Islam Liberal*.

Berkata Abdullah bin Zayd Abu Qilabah:

“Apabila engkau berbicara berdasarkan sunnah Nabi s.a.w. kepada seseorang lalu orang tersebut mengatakan: Kita tinggalkan sahaja sunnah kerana di sana sudah ada Kitab Allah, maka ketahuilah sesungguhnya dia adalah orang yang sesat”<sup>22</sup>.

Seterusnya, Ibn Hazm al-Andalusi berkata:

“Jika ada orang yang mengatakan, kami tidak mengambil kecuali apa yang terdapat dalam al-Quran, sesungguhnya dia adalah orang kafir menurut kesepakatan umat ini”<sup>23</sup>.

Satu perkara yang harus ditanamkan dalam relung hati setiap mukmin dengan penuh keyakinan bahawasanya sunnah merupakan sumber kedua di dalam syariat Islam setelah al-Quran. Al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. adalah wahyu daripada Allah s.w.t. seperti mana firmanNya yang bermaksud:

“Dan tidaklah Dia (Muhammad) berbicara dari hawa nafsunya, tetapi tidak lain itu adalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)”<sup>24</sup>.

Seterusnya, firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Taatlah Allah dan taatlah rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka, kembalikan lah sesuatu itu kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian itu lebih utama (bagi mu) dan lebih baik akibatnya”<sup>25</sup>.

Muhammad Musa Nasr menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan kembali kepada Allah s.w.t. iaitu kembali kepada al-Quran dan yang dimaksudkan dengan kembali kepada Rasul-Nya adalah kembali kepada sunnahnya. Sedarlah bahawa melalui sunnah Nabi Muhammad s.a.w. umat Islam mengetahui secara terperinci tentang waktu salat, jumlah rakaatnya, cara perlaksanaannya, kadar zakat yang harus dikeluarkan, bila ianya

---

<sup>22</sup> Saad Yusuf Abu Aziz, *Nihayah al-Zalimin* (Kairo: Dar al-Fajr li at-Turath, 2000).

<sup>23</sup> Salim ‘Ali al-Bahnasawi, *Al-Sunan al-Muftara ‘Alaiha* (Mesir: Dar al-Wafa’, 1992).

<sup>24</sup> Al-Najm 53:3-4

<sup>25</sup> Al-Nisa’ 4:59

boleh dikeluarkan, jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat, etika puasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa, adab kepada Allah, adab kepada orang tua, adab sesama Muslim dan lain-lain lagi.

Semua ini tidak ada perinciannya dalam al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. datang untuk menerangkan secara terperinci apa-apa yang tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran. Jika sunnah Nabi s.a.w. tidak dijadikan sebagai sumber utama dalam syariat Islam setelah al-Quran, sudah pasti kita tidak akan tahu semua perkara tersebut.<sup>26</sup>

### **III. Kebebasan Beragama**

Golongan Islam liberal di Malaysia mendesak agar penganut Islam diberi hak untuk murtad tanpa sebarang tindakan undang-undang dan tanpa tertakluk dengan keputusan Mahkamah Syariah. Islam liberal berhujah bahawa hak untuk murtad adalah kebebasan beragama yang juga diakui oleh al-Quran. Pengasas dan pengerusi Islamic Renaissance Front (IRF) iaitu Ahmad Farouk Musa dalam satu artikel yang ditulis oleh beliau, berkaitan ketidaksetujuan beliau dalam isu penentangan terhadap kes Lina Joy yang ingin murtad kerana beliau percaya bahawa sepatutnya ada kebebasan mengikut naluri sendiri (*freedom of conscience*). Beliau berhujah berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud: “Tidak ada paksaan dalam agama”.<sup>27</sup>

Beliau menjelaskan bahawa “tidak ada paksaan dalam agama” bermaksud kita tidak boleh memaksa orang lain menerima agama kita, sama seperti kita tidak boleh menghalang orang yang beragama meninggalkan agamanya.<sup>28</sup>

Golongan Islam liberal mereka mentafsirkan surah al-Baqarah ayat 256 ini mengikut akal dan hawa nafsu tanpa melihat kepada tafsiran yang muktabar berkenaan ayat ini. Menurut ulama tafsir, ayat di atas hanya terpakai bagi orang bukan Islam, iaitu mereka tidak harus dipaksa untuk menganut agama Islam kecuali

---

<sup>26</sup> Abduh Zulfidar, *Debat Terbuka Ahlu Sunnah Versus Ingkar Sunnah* (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2006).

<sup>27</sup> Al-Baqarah 2:256

<sup>28</sup> Anis Sakinah binti Mohd Abd Rahim dan Noor Hanisah binti Abdul Halim, “Pengaruh Liberalisme dalam Pentafsiran ayat al-Quran” *Islamic Renaissance Front (IRF)* (t.th).



dengan kerelaan mereka sendiri. Adapun bagi penganut Islam, mereka wajib beramal dengan segala tuntutan Islam termasuk tuntutan memelihara akidah dan iman.<sup>29</sup> Ibn Kathir mengatakan bahawa tidak boleh memaksa seseorang memasuki agama Islam. Kerana sesungguhnya dalil-dalil dan bukti itu sudah jelas dan terang, sehingga tidak perlu memaksa seseorang untuk memeluknya.

Adapun dalam kes murtad, orang Islam yang keluar daripada agama akan dikenakan hukuman yang berat di dunia dan di akhirat. Ulama tradisional seperti mazhab Syafi'i, Maliki dan Hambali berpendapat bahawa murtad tergolong dalam dosa-dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah s.w.t. melainkan dengan bertaubat. Seperti mana firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud:

“Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya (Islam), lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat dan mereka itu penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya)”.<sup>30</sup>

Ayat ini dijelaskan lagi dengan hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud: “Barang siapa yang menukar agamanya (murtad), maka hendaklah kamu membunuhnya”.<sup>31</sup>

Namun demikian, hukuman bunuh tersebut hanya akan dilaksanakan setelah tamat tempoh untuk bertaubat yang telah diberikan. Tidak dinafikan ada perdebatan mengenai hukuman bagi pesalah murtad, tetapi apa yang pasti ialah adanya hukum syarak bagi orang yang murtad. Walau bagaimanapun, isu murtad ini perlu diberikan perhatian yang serius dan perlu ditangani oleh semua pihak sama ada ibu bapa, saudara mara, pendidik, pendakwah serta pemerintah, bukan perlu disokong dengan sewenang-wenangnya membenarkan orang Islam untuk murtad.<sup>32</sup>

<sup>29</sup> “Ancaman Islam Liberal di Malaysia,” laman sesawang *Harakah Daily*, 21 Mei 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/6757>

<sup>30</sup> Al-Baqarah 2:217

<sup>31</sup> Riwayat Imam Bukhari, Ahmad dan Abu Dawud

<sup>32</sup> Mohd Fairuz Jamaluddin dan Latifah Abdul Majid, “Persepsi Pelajar-Pelajar Pengajian Islam IPTS Terhadap Isu-Isu Fahaman Islam Liberal,” *Jurnal Hadhari* 5 (2013), 1-19.

#### **IV. Persamaan Hak Antara Lelaki dan Wanita Berdasarkan Perspektif Feminisme**

Kini timbul pula kecenderungan daripada golongan feminisme yang menuntut persamaan jantina diadaptasikan daripada pemikiran Barat dan sekular-liberal. Antara pendukung feminisme Muslim liberal di Malaysia ialah Sisters in Islam (SIS).<sup>33</sup> Sisters in Islam adalah satu pertubuhan berdaftar bukan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1988.<sup>34</sup> Mereka sering menyentuh soal hak kebebasan, mengkritik pelaksanaan undang-undang kekeluargaan, perkahwinan, dan jenayah Islam yang mana menurut mereka bersifat diskriminatif terhadap kaum wanita.<sup>35</sup>

Antara sebab yang mendorong Sisters in Islam menyuarakan isu feminin ini adalah kerana rasa tidak puas hati yang timbul tentang kedudukan wanita menurut undang-undang Islam. Mereka menuntut persamaan hukum-hakam syariah antara lelaki dan wanita. Justeru, sebarang perbezaan hak atau keistimewaan yang terdapat di antara lelaki dan wanita mestilah dihapuskan kerana ianya bersifat diskriminasi dan menindas kaum wanita.<sup>36</sup>

Bagi Sisters in Islam, semenjak tahun 1990, undang-undang keluarga Islam amat mundur, mengetepikan hak kaum wanita, menyusahkan mereka dan kurang membantu serta perlu disusun semula. Ketidakselarasan undang-undang antara negeri juga turut dipertikaikan oleh mereka.<sup>37</sup> Antara isu feminin yang diperjuangkan oleh Sisters in Islam ialah lelaki perlu beridrah selama 130 hari sebagaimana wanita beridrah, wanita diberi kuasa menjatuhkan talak, pembahagian harta pusaka mestilah sama rata antara lelaki dan wanita serta hukum poligami adalah tidak sah.

Golongan Sisters in Islam yang menjulang isu feminin ini sebenarnya memperlihatkan kelemahan akal mereka serta sifat emosional yang berlebihan. Mereka membuat dakwaan tentang akidah atau hukum Islam dengan hanya berdasarkan pandangan

---

<sup>33</sup> Anis dan Hanisah, "Pengaruh Liberalisme dalam Pentafsiran ayat al-Quran."

<sup>34</sup> Tengku dan Mazlan, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*.

<sup>35</sup> Tengku dan Mazlan, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*; Ugi Suharto, *Isu-Isu Sentral Dalam Pemikiran Islam Liberal* (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2018).

<sup>36</sup> Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Muhd Najib Abdul Kadir dan Fadlan Mohd Othman, "Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam Menangani Islam Liberal," *Jurnal Hadhari* 5 (2013), 37-53.

<sup>37</sup> Tengku dan Mazlan, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*.

sendiri tanpa mengambil kira nas al-Quran dan hadith Nabi Muhammad s.a.w. Dakwaan mengenai undang-undang Islam yang mewajarkan penindasan terhadap kaum wanita adalah tidak tepat sama sekali. Islam telah meletakkan kedudukan yang tinggi kepada wanita sama ada dari segi kemuliaan, ganjaran pahala serta nikmat kehidupan.

Kedudukan kaum wanita telah dimuliakan dengan kedatangan agama Islam berbanding pada zaman jahiliah. Apabila Islam datang, wanita diberi taraf yang sama dalam perkara akidah, akhlak, pendidikan serta membebaskan wanita daripada kezaliman masa lalu. Namun, dalam beberapa hal yang tertentu, Islam memberi kelebihan kepada kaum lelaki dengan melihat dari sudut kekuatan fizikal, emosi dan spiritual yang ada pada mereka.<sup>38</sup>

Dalam soal poligami, Islam mengharuskan amalan poligami untuk maslahat yang lebih besar sehinggalah dapat memelihara diri daripada zina, menjaga dan mengasihani wanita (janda) dan anak yatim, meramaikan umat Islam serta menjana ekonomi keluarga dan negara. Hal ini telah termaktub dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan lain dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka berkahwinlah dengan seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”.<sup>39</sup>

Ayat di atas menjadi sumber rujukan dan panduan para ulama dalam menetapkan keharusan berpoligami dalam Islam.<sup>40</sup> Namun, keharusan berpoligami ini mestilah dengan keadilan sepertimana Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukannya, oleh itu janganlah kamu cenderung

<sup>38</sup> Tengku dan Mazlan, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*.

<sup>39</sup> Al-Nisa’ 4:3

<sup>40</sup> Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah* Jil 4 (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications, 2008).

dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan yang lain terbiar”<sup>41</sup>

Menurut Muhammad al-Bahi, poligami bukanlah suatu prinsip yang wajib dilaksanakan di dalam syariah Islam sehingga boleh menyebabkan berdosa jika tidak mengamalkannya. Bahkan, jika diamati ia boleh membawa kepada tegahan dan haram hukumnya jika suami yang berpoligami tidak berupaya berlaku adil dan mengakibatkan penganiayaan terhadap isteri yang dikahwini. Islam sebenarnya meletakkan persamaan antara lelaki dan wanita mengikut peranan dan keupayaan masing-masing yang bersifat saling lengkap melengkapi.<sup>42</sup>

## **V. Tuntutan Gaya Hidup Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT)**

Perkembangan dan pertambahan golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) di Malaysia semakin meruncing dan dilihat sebagai satu ancaman yang merunsingkan. Masyarakat ketika ini sedang berdepan dengan perbahasan dan tuntutan mengenai gaya hidup LGBT. Keadaan ini juga merupakan salah satu liberalisme yang sedang hangat diperjuangkan di negara kita pada masa kini.

Hari ini, golongan LGBT tidak lagi malu dan takut bahkan mereka sudah berani menonjolkan diri mereka dalam kalangan masyarakat. Jumlah mereka ini juga semakin bertambah saban tahun sehingga mereka tidak takut dengan teguran-teguran serta ancaman daripada para alim ulama dan pendakwah. Penularan gejala songsang ini jelas memperlihatkan bahawa dunia kini sudah semakin nazak dan menjadi tanda-tanda kepada akhir zaman.<sup>43</sup>

Tidak hanya tekanan yang dikenakan ke atas seorang doktor iaitu Nur Ilyani susulan surat terbuka beliau yang menyanggah aktivis Marina Mahathir kerana menuntut hak sama rata ke atas LGBT. Malah begitu juga dengan pendekatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mujahid Yusof Rawa yang mengadakan sidang media selepas pertemuan beliau dengan aktivis LGBT iaitu Nisha

---

<sup>41</sup> Al-Nisa' 4:129

<sup>42</sup> Tengku dan Mazlan, *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*.

<sup>43</sup> "LGBT Bukan Isu Terpencil," laman sesawang *Sinar Harian*. 11 Oktober 2018, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/lgbt-bukan-isu-terpencil-1.890505>

Ayub.<sup>44</sup> Tindakan ini memberi kedudukan dan pengiktirafan kepada golongan yang memperjuangkan LGBT.

Umat Islam dan masyarakat di Malaysia khususnya, perlu memahami bahawa kelakuan golongan LGBT ini merupakan perkara yang dilarang dan dilaknat dalam Islam. Ini kerana ia bercanggah dengan fitrah semula jadi manusia sehingga ada yang sanggup mengubah ciptaan Allah s.w.t. Walhal dalam Islam, lelaki yang memakai pakaian wanita atau sebaliknya wanita yang memakai pakaian lelaki pun akan dilaknat oleh Allah s.w.t. apatah lagi mengubah ciptaan Allah s.w.t. sehingga melakukan seks songsang. Larangan mengubah ciptaan Allah s.w.t. ini telah dijelaskan dalam hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

“Allah s.w.t. melaknat pembuat tatu, orang yang meminta supaya dibuatkan tatu kepadanya, orang yang mencukur kening, orang yang menjarangkan gigi dengan tujuan untuk kecantikan dan golongan yang mengubah ciptaan Allah”<sup>45</sup>

Lihat sahaja bencana yang berlaku di negara jiran kita di Palu Sulawesi, Indonesia baru-baru ini, Allah s.w.t. menjadikan kematian di Palu satu kematian yang dahsyat. Mereka sendiri tidak pernah terfikir akan berlaku bencana sedemikian rupa. Mengapakah bencana ini berlaku?, kerana fahaman Islam liberal. Fahaman ini menjadikan semua perkara halal dan manusia bebas melakukan apa sahaja tanpa terikat dengan agama dan syariat Islam. Fahaman ini sangat bahaya ibarat duri dalam daging atau musang berbulu ayam bagi umat Islam. Sama ada kita sedar ataupun tidak, fahaman ini sedang masuk dan merebak dalam negara kita pada hari ini.

Allah s.w.t. telah sebut dengan jelas dalam al-Quran surah al-Ankabut ayat 40, bagaimana Allah timpakan azab kepada orang-orang yang melakukan dosa. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Maka masing-masing (mereka itu) kami azab kerana dosanya, di antara mereka ada yang Kami hantarkan kepadanya angin ribut menghujannya dengan batu, ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang kuat (yang menggegarkan bumi), ada yang kami benamkannya di bumi dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Allah sama

---

<sup>44</sup> “Islam Larang LGBT,” laman sesawang *Utusan Melayu Online*, 20 Julai 2018, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/islam-larang-lgbt-1.712538>

<sup>45</sup> *Sahih al-Bukhari*.

sekali tidak menzalimi mereka, akan tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri”<sup>46</sup>

Golongan LGBT merupakan satu ancaman ke atas masyarakat yang mesti dicegah dan dihentikan. Semua pihak mesti bertegas dalam kesepakatan ini bahawa perbuatan mereka ini di larang dalam Islam. Tidak wajar sebarang ruang dan peluang diberikan kepada golongan ini dalam semua perkara yang diperjuangkan oleh mereka. Pihak kerajaan mestilah menutup ruang perjuangan mereka dan mengambil tindakan yang tegas bagi memastikan agenda jahiliah ini tidak menular dan mendapat sambutan pihak yang berkepentingan.<sup>47</sup>

Membiarkan golongan LGBT ini bermaharajalela seolah-olah kita bersetuju dengan tindakan dan perbuatan mereka. Walhal, perbuatan golongan terbabit secara terang-terangan melanggar larangan Allah s.w.t. Perkara ini perlulah segera dibendung supaya tidak mendatangkan mudarat yang lebih besar dan yang paling ditakuti adalah bala dan azab daripada Allah s.w.t. Ingatlah, jangan kita mati dalam keadaan hina tanpa sempat bertaubat. Berdoalah supaya kita mati dalam keadaan kita hijrah kepada Islam yang sebenar, dalam keadaan kita kembali kepada Allah s.w.t. agar kematian kita menjadi kematian yang dicemburui oleh penduduk langit dan bumi (sebaik-baik kematian).

## **Penutup**

Isu-isu yang diperjuangkan oleh golongan Islam liberal ini perlu ditangani dengan serius oleh semua pihak. Pemerintah dan golongan intelektual Islam juga perlulah sama-sama berganding bahu menangani golongan ini agar penularan pemikiran sesat mereka tidak menjadi satu wabak kepada Islam dan umatnya. Golongan ini bukan sekadar cuba melenyapkan warisan khazanah keilmuan Islam, sebaliknya sedikit demi sedikit mengikis kepercayaan dan akidah umat Islam. Membiarkan golongan liberal ini bermaharajalela menuntut kebebasan mereka atas nama ‘hak asasi manusia’, seolah-olah kita bersetuju dengan tindakan dan perbuatan mereka. Walhal, perbuatan golongan tersebut secara

---

<sup>46</sup> Al-‘Ankabut 29:40.

<sup>47</sup> “Menjawab Polemik Pendekatan ke atas LGBT,” laman sesawang *Harakah Daily*, 13 Ogos 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/7765>

terang-terangan melanggar syariat Allah s.w.t. Perkara ini perlulah segera dibendung supaya tidak mendatangkan mudarat yang lebih besar terhadap agama dan umat Islam.

### **Rujukan**

- “Ancaman Islam Liberal di Malaysia.” laman sesawang *Harakah Daily*, 21 Mei 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/6757>
- “Islam Larang LGBT.” laman sesawang *Utusan Melayu Online*, 20 Julai 2018, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/islam-larang-lgbt-1.712538>
- “Islam Liberal: Ancaman Kepada Akidah dan Jati Diri Ummah.” laman sesawang *Koleksi al-Qalam*, 22 Jun 2009, <http://koleksi-alqalam.blogspot.com/2009/06/islam-liberal-ancaman-kepada-aqidah-dan.html>.
- “LGBT Bukan Isu Terpencil,” laman sesawang *Sinar Harian*. 11 Oktober 2018, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/lgbt-bukan-isu-terpencil-1.890505>
- “Menjawab Polemik Pendekatan ke atas LGBT.” Laman sesawang *Harakah Daily*, 13 Ogos 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/7765>
- Abdud Zulfidar. *Debat Terbuka Ahlu Sunnah Versus Ingkar Sunnah*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2006.
- Anis Sakinah binti Mohd Abd Rahim dan Noor Hanisah binti Abdul Halim, “Pengaruh Liberalisme Dalam Pentafsiran ayat al-Quran” *Islamic Renaissance Front (IRF)* (t.th).
- Anis Shakila Ismail. *Pemikiran Islam Liberal di Malaysia: Kajian Terhadap Isu Yang Ditimbulkan oleh Farish Nor dan Syed Akbar Ali*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Hafiz Firdaus Abdullah. *Membongkar Aliran Islam Liberal*. Johor: Pertiagaan Jahabersa, 2007.
- Ibn Kathir. *Tafsir Ibn Kathir. Lubabut Tafsir Min Ibn Kathir*. Ter. Abdul Ghaffar. Bogor: Pustaka Imam Syafi’i, 2004.
- Kamal Azmi Abd Rahman, “Pengaruh Pemikiran Islam Liberal dalam Fahaman Anti Hadith” (Proceeding International Muzakarah and Mu’tamar on Hadith, Inhad, 2017).
- Kassim Ahmad. *Jalan Yang Lurus*. Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd., 2014.

- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Muhd Najib Abdul Kadir dan Fadlan Mohd Othman, "Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam Menangani Islam Liberal," *Jurnal Hadhari* 5 (2013), 37-53.
- Mohammad Ariffin Ismail. *Cabaran Akidah Pemikiran Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2009.
- Mohd Fairuz Jamaluddin dan Latifah Abdul Majid. "Persepsi Pelajar-Pelajar Pengajian Islam IPTS Terhadap Isu-Isu Fahaman Islam Liberal". *Jurnal Hadhari* 5 (2013) 1-19.
- Mohd. Ramnaizuddin Ghazali, "Ciri-ciri Islam Liberal", *Al-Islam* (2005).
- Riduan Mohd Nor dan Ahmad Adnan Fadhil. *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009.
- Salim 'Ali al-Bahnasawi. *Al-Sunan al-Muftara 'Alayha*. Mesir: Dar al-Wafa', 1992.
- Sayyid Sabiq. *Fiqh Sunnah Jil 4*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications, 2008.
- Tengku Intan Zarina dan Mazlan Ibrahim. *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Ugi Suharto. *Isu-Isu Sentral Dalam Pemikiran Islam Liberal*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2018.
- Zamihan Mat Zin. *Ancaman Islam dan Pluralisme*. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 2008.